



## PERLEMBAGAAN PERSATUAN GOLF JOHOR

### **ARTIKEL 1 - NAMA**

Badan Sukan ini adalah dikenali sebagai PGJ selepas ini dirujuk sebagai Persatuan Golf Johor dalam perlembagaan.

### **ARTIKEL 2 - ALAMAT**

#### 2.1 Alamat Berdaftar

Alamat berdaftar ialah d/a Pulai Springs Resort, 20 km, Jalan Pontian Lama, 81110, Pulai, Johor Darul Ta'zim.

#### 2.2 Alamat Urusan

Alamat urusan lain ialah d/a Pulai Springs Resort, 20 km, Jalan Pontian Lama, 81110, Pulai, Johor Darul Ta'zim atau mana mana alamat yang sesuai yang ditetapkan oleh Persatuan.

### **ARTIKEL 3 - TAKRIF**

3.1 **PERSATUAN** bermakna, Persatuan Golf Johor.

3.2 **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN** bermakna mesyuarat yang diadakan pada tiap-tiap tahun menurut Artikel 12.2 Perlembagaan ini.

3.3 **JAWATANKUASA INDUK** bermakna Jawatankuasa yang sah dilantik atau dipilih dalam Persatuan menurut Artikel 15 Perlembagaan ini.

3.4 **JAWATANKUASA KECIL** bermakna Jawatankuasa yang sah dilantik menurut Artikel 17 Perlembagaan ini.

3.5 **PEJABAT** hendaklah merujuk kepada pejabat berdaftar Persatuan menurut Artikel 2 Perlembagaan.

3.5 **AHLI-AHLI JAWATANKUASA** bermakna ahli-ahli menurut Artikel 6 Perlembagaan ini.

3.6 **PESURUHJAYA** bermakna Pesuruhjaya Sukan yang dilantik menurut Seksyen 10 Akta Pembangunan Sukan 1997.

- 3.7 **ANGGOTA GABUNGAN** bermakna mana-mana Kelab/Organisasi yang bergabung dengan Persatuan di bawah peraturan ini.
- 3.8 **AHLI-AHLI BERSEKUTU** bermakna mana-mana orang yang berumur 18 tahun ke atas boleh memohon untuk menjadi ahli Persatuan.

#### **ARTIKEL 4 - TUJUAN DAN MATLAMAT**

- 4.1 Bertindak sebagai badan pentadbir atau perwakilan Golf Amatur dan Professional di peringkat negeri.
- 4.2 Untuk menggalakkan dan memajukan golf di peringkat negeri.
- 4.3 Mewakili Negeri Johor Darul Ta'zim dalam mana-mana pertandingan golf.
- 4.4 Untuk memastikan Perlembagaan dan kaedahnya dipatuhi dan diikuti oleh semua ahlinya.
- 4.5 Untuk mengawal dan menjalankan bidang kuasa terhadap semua aktiviti yang berkenaan dengan sukannya di Malaysia dan oleh wakil Malaysia di luar Negara.
- 4.6 Untuk mengemukakan akaunnya yang kesemuanya diaudit dengan laporan-laporan tentang semua aktivitinya dan penggunaan dan perbelanjaan semua dananya bagi tahun kewangan sebelumnya kepada Pesuruhjaya Sukan bersama-sama dengan laporan lain yang mungkin diperlukan oleh Pesuruhjaya Sukan.
- 4.7 Aktivitinya dikendalikan tanpa diskriminasi jantina, bangsa, warna, agama, asas sosial, bahasa, kecondongan politik, atau apa-apa pendapat yang dipegang oleh ahlinya.
- 4.8 Untuk menerima dan menguatkuaskan Peraturan-Peraturan Golf yang diluluskan oleh R & A Ltd.
- 4.9 Untuk menganjurkan dan menggalakkan kejohanan Golf dan apa-apa kejohanan lain yang difikirkan perlu.
- 4.10 Untuk memberi nasihat tentang Peraturan-Peraturan Tempatan.
- 4.11 Dan secara amnya menggalakkan kemajuan dan kepentingan permainan dan bertindak dengan apa-apa cara atau membuat apapun demi faedah permainan di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim.

#### **ARTIKEL 5 - LOGO**

5.1 Logo Persatuan ini hendaklah mengandungi:-

- (i) Warna Biru mencerminkan warna Johor.
- (ii) Perkataan Golf Johor menunjukkan semangat ahli-ahli yang bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Persatuan.
- (iii) Sempadan emas di sekeliling logo melambangkan peta negeri Johor.

## **ARTIKEL 6 - KEAHLIAN**

Kategori keahlian adalah seperti yang berikut:-

### **6.1 Anggota Gabungan**

- (i) Kelab-kelab atau mana-mana Organisasi yang mempunyai sebuah padang golf yang tidak kurang daripada 9 lubang adalah layak untuk menjadi anggota gabungan Persatuan.
- (ii) Suatu permohonan untuk anggota gabungan hendaklah mengandungi akujanji dan perjanjian oleh badan pemohon dan oleh tiap-tiap dan ahli badan tersebut supaya tertakluk kepada dan terikat oleh Peraturan-Peraturan ini dan mana-mana undang-undang Kecil yang dibuat dibawahnya.

### **6.2 Ahli Bersekutu**

Ahli Bersekutu terdiri daripada individu dan mestilah dipersetujui dan diluluskan oleh Jawatankuasa.

### **6.3 Pilihan**

Semua permohonan hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa yang boleh menerima mereka tanpa syarat atau dengan syarat-syarat tertentu yang mereka fikirkan patut atau menolak permohonan mereka tanpa memberikan apa-apa alasan.

## **ARTIKEL 7 - YURAN KEAHLIAN**

7.1 Anggota Gabungan hendaklah membayar yuran anggota gabungan RM200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Sahaja) dan Yuran Tahunan RM100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja).

7.2 Yuran tahunan yang pertama hendaklah dibayar apabila menjadi anggota gabungan dan selepas itu pada 7 haribulan Januari tiap tahun.

- 7.3 Ahli Bersekutu hendaklah membayar Yuran Tahunan RM30.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja).

### **ARTIKEL 8 - PERMOHONAN KEAHLIAN**

Semua permohonan keahlian hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Setiausaha, Presiden, Naib Presiden, Pengurus Besar, Kapten atau Pemilik Badan pemohonan dan dihantar kepada Setiausaha Kehormat Persatuan. Jawatankuasa Induk mempunyai hak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan tanpa memberikan sebarang penjelasan.

### **ARTIKEL 9 - HAK DAN KEISTIMEWAAN KEAHLIAN**

- 9.1 Semua ahli hendaklah dibenarkan untuk menyertai dalam mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan.
- 9.2 Semua ahli adalah layak mendapat sesalinan Perlembagaan mereka secara percuma sekali sahaja semasa pendaftaran.

### **ARTIKEL 10 - HAK MENGUNDI PADA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**

#### **10.1 Anggota Gabungan**

Anggota Gabungan yang telah menjelaskan yuran keahlian mereka sebelum 1 Februari tahun tersebut mempunyai hak untuk hadir Mesyuarat Agung Tahunan dan layak menghantar tiga (3) orang perwakilan dan boleh mengundi dan diundi.

#### **10.2 Ahli Bersekutu**

Ahli Bersekutu tidak mempunyai hak untuk mengundi dan diundi, tetapi dibenarkan untuk menjadi pemerhati semasa Mesyuarat Agung Tahunan dan tidak layak untuk memegang apa-apa jawatan dalam Jawatankuasa.

- 10.3 Pengundi prosi adalah dilarang sama sekali.

### **ARTIKEL 11 – PEMECATAN DAN PENAMATAN**

- 11.1 Mana-mana ahli yang meletak jawatan secara bertulis dan diluluskan oleh Jawatankuasa Induk adalah dianggap telah berhenti menjadi ahli Persatuan.
- 11.2 Mana-mana Kelab/Organisasi yang ingin menamatkan Anggota Gabungan mereka dari Persatuan hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Setiausaha Kehormat selewat-lewatnya sebulan sebelum Yuran Tahunan perlu dibayar dalam tahun berkenaan jika selainnya Kelab/Organisasi adalah bertanggungjawab untuk membayar yurannya bagi tahun tersebut.
- 11.3 Mana-mana ahli bertindak secara bercanggah dengan Perlembagaan Persatuan, boleh dipecat atau digantung selama tempoh yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa Disiplin. Tetapi, sebelum apa apa tindakan diambil terhadap ahli tersebut dia hendaklah diberikan surat tunjuk sebab pemecatan atau penggantungan hendaklah bermula dari tarikh seperti yang dinyatakan oleh Jawatankuasa Disiplin. Mereka boleh merayu kepada Jawatankuasa Induk dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh seperti yang dinyatakan oleh Jawatankuasa Disiplin. Jawatankuasa Induk mempunyai hak untuk menerima, menolak atau membuat apa-apa keputusan yang difikirkan patut tetapi keputusan mereka adalah muktamad.
- 11.4 Mana-mana Kelab/Organisasi apabila berhenti menjadi Anggota Gabungan, akan hilang semua hak, keistimewaan apa-apa tuntutan terhadap Persatuan, aset, dana dan hartanya.

## **ARTIKEL 12 - MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM)**

- 12.1 Mesyuarat Agung Tahunan ialah pembuat dasar Persatuan yang tertinggi sejajar dengan tujuan dan matlamatnya.
- 12.2 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan tidak lewat daripada 31 Julai tiap-tiap tahun pada tarikh dan tempat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Induk. Setiausaha Kehormat dikehendaki menghantar notis mesyuarat kepada semua ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari. Notis ini hendaklah mengandungi Agenda dan semua dokumen yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Agenda.
- 12.3 Setiausaha hendaklah menghantarkan satu salinan penyata Mesyuarat Agung Tahunan kepada semua ahli dan Pesuruhjaya Sukan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas mesyuarat tersebut.
- 12.4 Kuorom
- (i) Tiada urusan boleh dijalankan pada mana-mana Mesyuarat Agung melainkan kuorom adalah mencukupi apa bila mesyuarat memulakan

urusan. Apa-apa pengurangan bilangan perwakilan dibawah kuorum selepas itu pada mana-mana mesyuarat tidak menjadikan perjalanan mesyuarat tidak sah.

- (ii) Kuorum pada mana-mana Mesyuarat Agung hendaklah sekurang-kurangnya sepuluh peratus (10%) daripada jumlah bilangan perwakilan yang layak hadir mesyuarat atau dua kali ganda jumlah bilangan ahli-ahli. Jawatankuasa, yang mana terkurang.
- (iii) Jika, dalam masa setengah jam dari masa yang ditetapkan untuk mesyuarat, kuorum adalah tidak mencukupi, mesyuarat itu, jika dipanggil atas permintaan perwakilan/anggota gabungan, hendaklah dibubarkan.
- (iv) Dalam mana-mana kes lain, ia hendaklah ditangguhkan pada hari yang sama dalam minggu hadapan pada masa dan tempat yang sama, dan jika, mesyuarat yang ditangguhkan itu kuorum masih tidak mencukupi dalam masa setengah jam dari masa yang ditetapkan untuk mesyuarat, perwakilan yang hadir adalah merupakan kuorum.
- (v) Ahli undi hendaklah orang yang dilantik atau dipilih ke dalam Jawatankuasa dan perwakilan yang dicalonkan oleh anggota gabungan boleh hadir dan mengundi pada Mesyuarat Agung.

#### **12.5 Perwakilan**

Tiap-tiap Anggota Gabungan layak untuk mencalonkan tiga (3) orang perwakilan ke dalam mana-mana Mesyuarat Agung.

#### **12.6 Pengerusi**

Pengerusi pada semua mesyuarat ialah Presiden atau dalam ketiadaannya mana-mana Timbalan Presiden atau mana-mana seorang Naib Presiden atau dalam ketiadaan mereka seorang ahli yang dipilih oleh mesyuarat.

#### **12.7 Undi**

Semua keputusan hendaklah diputus melalui suatu undi majoriti mudah.

### **ARTIKEL 13 - KEWAJIPAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**

#### **13.1 Mesyuarat Agung Tahunan**

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun selepas penutupan tahun kewangan tetapi sebelum akhir bulan Julai dalam tahun berikutnya di alamat berdaftar Persatuan atau di

mana-mana tempat di dalam Negeri Johor yang dicadangkan oleh Jawatankuasa.

13.2 Sekurang-kurangnya dua minggu notis hendaklah diberikan kepada semua anggota gabungan. Notis tersebut hendaklah menyatakan urusan yang akan dibentangkan, bersama-sama Laporan Tahunan dandan Penyata Akaun, tarikh, masa dan tempat mesyuarat.

13.3 Urusan Mesyuarat Agung Tahunan adalah seperti berikut :-

- (i) untuk menerima surat tauliah perwakilan/anggota gabungan secara bertulis.
- (ii) untuk mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Khas sebelumnya.
- (iii) untuk mengesahkan Laporan Tahunan.
- (iv) untuk mengesahkan Penyata Akaun.
- (v) untuk memilih pemegang jawatan dan melantik seorang (1) Juru Audit Dalam Kehormat bagi tahun yang berkenaan.
- (vi) untuk menimbangkan apa-apa urusan lain yang notis tidak kurang daripada seminggu telah berikan kepada Setiausaha Kehormat.

#### **ARTIKEL 14 - MESYUARAT LUAR BIASA (EGM)**

14.1 Mesyuarat luar biasa boleh diadakan :-

- (i) atas permintaan Jawatankuasa Induk atau Presiden; atau
- (ii) atas permintaan secara bertulis dari majoriti ahli-ahli yang tidak kurang setengah (1/2) daripada jumlah pengundi-pengundi yang layak, dengan agenda mesyuarat diperjelaskan.

14.2 EGM hendaklah diadakan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh ia diminta oleh ahli-ahli.

14.3 Tarikh tempat agenda mesyuarat hendaklah dihantarkan kepada semua ahli oleh Setiausaha sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum mesyuarat diadakan.

14.4 Kuorum Mesyuarat Agung Tahunan adalah terpakai bagi EGM tetapi selepas setengah (1/2) jam kuorum tidak dipenuhi, mesyuarat ini

hendaklah dibatalkan, dan tiada lagi mesyuarat dengan agenda yang sama boleh diadakan bagi tempoh yang tidak kurang daripada enam (6) bulan.

## **ARTIKEL 15 - JAWATANKUASA INDUK**

- 15 Jawatankuasa Induk terdiri daripada:-  
Seorang (1) Presiden dipilih;  
Dua orang (2) Timbalan Presiden dipilih;  
Dua orang (2) Naib Presiden dipilih;  
Seorang (1) Setiausaha Kehormat dilantik oleh Presiden;  
Seorang (1) Penolong Setiausaha dilantik oleh Presiden;  
Seorang (1) Bendahari dilantik oleh Presiden;  
Lima (5) orang ahli Jawatankuasa dipilih.  
Tiga (3) orang ahli Jawatankuasa dilantik oleh Presiden;

Presiden Persatuan diberi hak penuh untuk melantik mana-mana calun yang sesuai untuk jawatan Setiausaha Kehormat, Penolong Setiausaha Kehormat, Bendahari dan tiga ahli Jawatankuasa dan juga berhak penuh untuk memecat pilihannya tanpa memberikan sebarang penjelasan.

- 15.1 Semua ahli Jawatankuasa yang dipilih pada Mesyuarat Agung Tahunan akan memegang jawatan selama empat (4) tahun dan bersara pada Mesyuarat Agung tahunan yang berikutnya dan mereka adalah layak untuk dipilih semula ke dalam Jawatankuasa.  
15.2 Semua ahli Jawatan yang dilantik oleh Presiden akan memegang jawatan selama empat (4) tahun dan bersara pada Mesyurat Agung Tahunan yang berikutnya.  
15.3 Semua pencalunan untuk Jawatankuasa Pengurusan hendaklah dicadangkan dan disokong sewajarnya secara bertulis dan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Kehormat, 24 jam sebelum hari Mesyuarat Agung Tahunan. Dengan syarat bahawa tiada pencalunan sewajarnya diterima untuk jawatan dalam Jawatankuasa, pencalunan untuk jawatan tersebut yang dikemukakan dari lantai Mesyuarat Agung Tahunan boleh diterima. Dengan syarat selanjutnya bahawa seseorang calun yang dicadangkan hendaklah memberikan persetujuannya kepada mesyuarat sama ada melalui beliau sendiri atau secara bertulis.  
15.4 Apabila bilangan pencalunan diterima melebihi bilangan kekosongan untuk jawatan dalam Jawatankuasa, suatu pertandingan telah berlaku dan oleh yang demikian pengundian hendaklah dijalankan melalui

pembuangan undi. Tiap-tiap perwakilan layak mempunyai satu undi. Undi proksi tidak dibenarkan.

15.5 Semua pemegang jawatan dalam Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa-Jawatankuasa lain dalam Persatuan hendaklah :-

- (i) Warganegara Malaysia berumur 18 tahun keatas;
- (ii) bukan seorang bankrap;
- (iii) tidak pernah dikenakan tindakan disiplin oleh mana-mana Persatuan Sukan dalam tempoh 5 tahun yang lalu;
- (iv) tiada kes jenayah dalam tempoh 4 tahun yang lalu; dan
- (v) tidak terencat akal.

## **ARTIKEL 16 - FUNGSI JAWATANKUASA**

16.1 Perlantikan Pengerusi Jawatankuasa Kecil.

16.2 Menguatkuasakan dasar persatuan yang telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Luar Biasa.

16.3 Mengurus dan mentadbirkan Persatuan dan menjalankan aktiviti-aktivitinya.

16.4 Menimbang dan meluluskan perbelanjaan untuk pentadbiran dan aktiviti-aktivitinya

16.5 Merumuskan apa-apa dasar baru atau perubahan perlembagaan yang perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Luar Biasa.

16.6 Untuk menimbalangkan apa-apa tindakan disiplin terhadap semua ahli.

16.7 Perlantikan dan penamatan pekerja-pekerja pejabat yang bergaji.

16.8 Kelulusan keahlian baru.

16.9 Jawatankuasa boleh dari semasa ke semasa membuat undang-undang Kecil jika perlu dibawah Perlembagaan ini untuk Pengurusan Persatuan dan anggota gabungannya yang betul.

16.10 Mana-mana kekosongan yang berlaku dikalangan ahli-ahli Jawatankuasa dalam tahun berkenaan, Presiden Perstuan diberi hak kuasa untuk melantik mana-mana calun yang sesuai untuk mengisi kekosongan.

- 16.11 Jawatankuasa boleh melantik mana-mana orang kerana keperluan khusus yang mereka fikirkan patut.
- 16.12 Jika berlaku ketidakhadiran seorang ahli Jawatankuasa pada tiga mesyuarat Jawatankuasa berturut-turut dengan syarat notis mesyuarat telah dihantarkan ke alamat ahli yang terakhir diketahui, dia hendaklah secara automatik terhenti menjadi seorang ahli Jawatankuasa.
- 16.13 Semua cek hendaklah ditandatangani oleh Bendahari Kehormat dan oleh Presiden atau Setiausaha Kehormat yang dilantik oleh Presiden. Perbelanjaan tunai hendaklah dibenarkan oleh Setiausaha Kehormat yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa.
- 16.14 Jawatankuasa adalah berkuasa untuk melantik beberapa Jawatankuasa Kecil dan mewakilkan kepada mereka mana-mana kuasa dan kewajipannya. Seorang ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik Pengerusi mana-mana Jawatankuasa.
- 16.15 Jika berlaku apa-apa persoalan atau perkara berbangkit yang tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan ini, keputusan Jawatankuasa dalam semua kes hendaklah diterima sementara menunggu sama ada keputusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa.

### **ARTIKEL 17 - PEMEGANG JAWATAN**

Jawatankuasa Induk akan memilih setiap Pengerusi Jawatankuasa Kecil dan memberi garis panduan serta tugas-tugas dan tanggungjawab setiap ahli Jawatankuasa Kecil. Setiap laporan Pengerusi Jawatankuasa Kecil hendaklah dilaporkan terus kepada Jawatankuasa Induk dan menjalankan kewajipan seperti yang diarahkan oleh Jawatankuasa Induk. Jawatankuasa Induk diberi hak untuk membatalkan jawatan Pengerusi Jawatan Kecil atau ahli-ahli Jawatankuasa Kecil dan mengisi sebarang kekosongan Jawatankuasa tersebut.

- 17.1 Jawatankuasa Kecil Kewangan;
- 17.2 Jawatankuasa Kecil Pembangunan dan Pemilihan;
- 17.3 Jawatankuasa Kecil Teknikal;
- 17.4 Jawatankuasa Kecil Pertandingan;
- 17.5 Jawatankuasa Kecil Disiplin;
- 17.6 Jawatankuasa Kecil Pembangunan Industri Golf;
- 17.7 Jawatankuasa Kecil yang lain dari masa kesemasa jika di perlukan oleh Jawatankuasa Induk.

### **ARTIKEL 18 - KEWAJIPAN JAWATANKUASA INDUK**

## **18.1 Presiden**

Presiden ialah Pengurus semua mesyuarat Am dan Jawatankuasa Induk dan bertanggungjawab bagi kelancaran perjalanan dan disiplin semua ahli. Beliau akan menandatangani semua minit yang diluluskan pada masa yang sama.

## **18.2 Timbalan Presiden**

Timbalan Presiden mewakili Presiden dalam ketiadaan Presiden pada mana-mana mesyuarat atau majlis. Jika berlaku Presiden meletak jawatan, Timbalan Presiden hendaklah memegang jawatan Presiden dengan kuasa penuh.

## **18.3 Naib Presiden**

Naib Presiden hendaklah membantu Presiden dan Timbalan Presiden dalam pentadbiran Persatuan. Dalam ketiadaan Presiden atau Timbalan Presiden, Naib Presiden kanan hendaklah memegang jawatan Presiden.

## **18.4 Setiausaha Kehormat**

Setiausaha Kehormat bertanggungjawab menjaga semua rekod aktiviti dan surat menyurat Persatuan. Beliau hendaklah menyelenggara dengan betul semua rekod termasuk keahlian berdaftar, laporan aktiviti dan minit-minit semua mesyuarat kecuali akaun kewangan Persatuan dan dikehendaki hadir dalam semua mesyuarat untuk mengambil minit. Setiausaha hendaklah mengemukakan semua Laporan Tahunan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan kepada Pesuruhjaya Sukan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Kemajuan Sukan 1997.

## **18.5 Penolong Setiausaha Kehormat**

Penolong Setiausaha Kehormat akan membantu Setiausaha Kehormat dalam segala pentadbiran Persatuan.

## **18.6 Bendahari**

Bendahari Kehormat adalah bertanggung jawab menjaga aspek kewangan Persatuan. Dia hendaklah menyimpan akaun semua transaksi wang dan bertanggungjawab tentang ketetapannya. Bendahari hendaklah menyenggara suatu akaun bank atas nama Persatuan dengan Presiden, Setiausaha dan Bendahari sebagai penandatangan sah. Semua cek untuk pengeluaran dari bank hendaklah ditandatangan oleh Bendahari sebagai penandatangan utama, dan ditandatangan timbal oleh Presiden atau Setiausaha.

## **18.7 Ahli Jawatankuasa**

Ahli Jawatankuasa Kecil yang dinyatakan mengikut Artikel 17 Perlembagaan akan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil masing-masing selepas kelulusan dari Jawatankuasa Induk. Semua ahli Jawatankuasa Kecil akan menjalankan tugas mereka sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut dan mereka adalah layak dilantik semula.

18.7.1 Kewajipan Pengerusi Jawatankuasa

(i) Jawatankuasa Kecil Kewangan

Pengerusi Jawatankuasa Kewangan hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat dan melantik ahli-ahlinya untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Induk. Tugas utamanya ialah mencari sumber pendapatan untuk Persatuan melalui penajaan, agensi-agensi kerajaan atau apa-apa cara lain yang sah dalam Persatuan Sukan dan Perlembagaan Negara.

(ii) Jawatankuasa Kecil Pembangunan Dan Pemilihan

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Pemilihan hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat dan memilih ahli-ahlinya untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Induk. Tugas utamanya ialah untuk mengaturkan program pembangunan sukan dan latihan bagi semua ahli termasuklah para peserta terutamanya para belia. Jawatankuasa akan memilih para pemain dalam sukan golf dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Induk untuk kelulusan untuk mewakili Persatuan atau Negeri dalam pertandingan.

(iii) Jawatankuasa Kecil Teknikal

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat dan melantik ahli-ahlinya untuk kelulusan Jawatankuasa Induk. Tugas utamanya ialah untuk mengawas, menyelaras dan menguatkuasakan apa-apa mekanisme dan prosedur sukan golf seperti dinyatakan menguatkuasakan peraturan-peraturan golf yang diluluskan oleh R & A Rules Ltd. Fungsi Jawatankuasa Teknikal termasuklah mengawal implementasi sistem handikep USGA atau mana-mana sistem yang sesuai yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Induk.

(iv) Jawatankuasa Kecil Pertandingan

Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan hendaklah mempengerusikan semua Mesyuarat dan melantik ahli-ahlinya untuk kelulusan Jawatankuasa Induk. Tugas utamanya ialah untuk mempromosi, mengatur dan mengawasi Pertandingan sukan golf antara ahli-ahli Persatuan dan mana-mana acara Termasuk acara Professional dan

amator Di negeri Johor. Fungsi Jawatankuasa Pertandingan termasuklah pemilihan Tempat pertandingan, jawatan Tournament Director, Ketua Referee, Pegawai sukarela serta mengawal Perbelanjaan berkenaan dengan Pertandingan masing-masing.

(v) Jawatankuasa Kecil Disiplin

Pengerusi Jawatankuasa Disiplin hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat dan melantik ahli-ahlinya untuk kelulusan Jawatankuasa Induk. Tugas utamanya ialah untuk menyelesaikan apa-apa kes yang melibatkan disiplin di kalangan ahli-ahli dan menjatuhkan hukuman yang sewajarnya.

(vi) Jawatankuasa Kecil Pembangunan Industri Golf

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri Golf hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat dan melantik ahli-ahlinya untuk kelulusan Jawatankuasa Induk. Tugas utamanya ialah untuk memperolehi Kerjasama semua ahli-ahli Persatuan untuk pembangunan dan kewajipan Industri golf di negeri Johor. Tujuan Jawatankuasa ini termasuklah bekerjasama dan membantu pihak kerajaan Johor terutamanya Jabatan Pelancongan Negeri Johor didalam pelancaran dan mempromosikan Golf Tourism di negeri Johor.

## **ARTIKEL 19 - MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK**

- 19.1 Jawatankuasa Induk hendaklah bermesyuarat sekurang-kuranya sekali dalam tiga (3) bulan. Notis mesyuarat hendaklah diedarkan kepada semua ahli tujuh (7) hari sebelum mesyuarat. Presiden dan tidak kurang daripada empat (4) orang ahli boleh mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk pada bila-bila masa yang difikirkan patut.
- 19.2 Kuorum mesyuarat Jawatankuasa Induk hendaklah sekurang-kurangnya lima (5) orang daripada jumlah ahli Jawatankuasa Induk yang perlu hadir.

## **ARTIKEL 20 - KEWANGAN**

- 20.1 Punca pendapatan Persatuan adalah daripada :-

- (i) yuran keahlian tahunan;
- (ii) derma dan tajaan;
- (iii) bantuan dari kerajaan dan badan berkanun;
- (iv) urusan Persatuan;

- (v) apa-apa sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 20.2 Semua pendapatan yang diperolehi hendaklah digunakan sepenuhnya untuk mencapai matlamat Persatuan dan semua ahli seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan.
- 20.3 Satu akaun bank akan dibuka diatas nama Persatuan Golf Johor (Johor Golf Association) di cawangan bank tempatan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk. Semua cek hendaklah di tandatangani oleh Presiden atau Bendahari Kehormat dan Setiausaha Kehormat atau Timbalan Presiden yang lantik oleh Presiden.
- 20.3.1 Untuk Pembangunan Golf Remaja Negeri Johor, satu akaun bank akan dibuka diatas nama “ JGA-Junior Development Fund” dimana dana tersebut akan digunakan khas untuk tujuan pembiayaan pembangunan Golf Remaja Negeri Johor. Semua cek akaun ini akan di tandatangani oleh Presiden atau Bendahari Kehormat dan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pembangunan dan Pemilihan.
- 20.4 Seorang (1) yang bukan pemegang jawatan dalam Persatuan hendaklah dilantik sebagai Juruaudit Dalam Kehormat oleh Mesyuarat Agung Tahunan.
- 20.5 Beliau hendaklah mengaudit akaun Persatuan bagi tahun berkenaan dan dendaklah menyediakan laporan atau sijil untuk Mesyuarat Agung Tahunan.

### **ARTIKEL 21 - TAKSIRAN**

Jawatankuasa Induk boleh memberikan tafsirannya tentang Perlembagaan ini. Mereka adalah berkuasa untuk memutuskan apa-apa perkara lain yang tidak dinyatakan dalam Perlembagaan ini jika perlu.

### **ARTIKEL 22 - PERTIKAIAN DALAMAN**

Jawatankuasa Disiplin dan Jawatankuasa Induk hendaklah menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul di kalangan ahli-ahlinya mengikut prosedur, peraturan atau prosedur dalam Persatuan.

### **ARTIKEL 23 - PENAUNG**

- 23.1 Jawatankuasa Induk Persatuan boleh juga melantik orang-orang yang layak menjadi Penaung dan Penasihat bagi Persatuan ini, sekiranya perlu.

- 23.2 Penaung dan Penasihat tiada kuasa dalam sebarang keputusan Persatuan ini dan juga tidak boleh membuat undian dalam sebarang keputusan yang dikemukakan serta undian melantik ahli Jawatankuasa Induk.

#### **ARTIKEL 24 - PINDAAN ATAU PENGUBAHAN PERLEMBAGAAN**

- 24.1 Apa-apa Perlembagaan boleh dimansuhkan atau dipinda dan apa-apa Perlembagaan baru boleh dibuat pada bila-bila masa dengan syarat pemansuhan, pindaan atau Perlembagaan baru tersebut hendaklah mendapat persetujuan dan diluluskan pada mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan atau Luar Biasa. Resolusi untuk meminda atau memansuhkan mana-mana peraturan atau membuat peraturan baru hendaklah disokong oleh dua per tiga ahli-ahli mengundi yang hadir.
- 24.2 Permohonan untuk meminda atau mengubah Perlembagaan hendaklah dipohon secara bertulis kepada Pesuruhjaya Sukan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas mendapat kelulusan dari mesyuarat tersebut dengan menyatakan dengan jelas pindaan atau pengubahan yang terlibat. Pindaan atau pengubahan tidak boleh berkuatkuasa melainkan diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan.
- 24.3 Perlembagaan hendaklah dicetak dan salinan hendaklah diberikan kepada semua anggota gabungan/perwakilan. Tiap-tiap perwakilan/anggota Gabungan adalah terikat oleh Perlembagaan dan dianggap sedia maklum tentangnya samaada dia telah atau tidak mendapat salinannya.

#### **ARTIKEL 25 - LARANGAN**

- 25.1 Semua bentuk perjudian dan aktiviti-aktiviti lain yang bercanggah dengan undang-undang adalah dilarang sama sekali di dalam premis Persatuan.
- 25.2 Persatuan atau mana-mana ahli adalah dilarang dalam apa-apa bentuk terlibat dengan mana-mana gerakan Pekerja seperti yang diperuntukkan Dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959.
- 25.3 Persatuan tidak boleh mengadakan apa-apa loteri, sama ada dalam lingkungan ahli-ahlinya atau selainnya atas nama Persatuan atau pemegang-pemegangjawatannya, tanpa kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan dan pihak berkuasa yang berkenaan.
- 25.4 Persatuan atau anggota gabungan tidak dibenarkan terlibat dalam mana-mana aktiviti politik atau parti politik, atau menjajar kepada mana-mana parti politik dan menggunakan Persatuan sebagai pentas politik.

## **ARTIKEL 26 - PEMBUBARAN**

- 26.1 Persatuan boleh dibubarkan oleh suatu resolusi yang diluluskan pada Mesyuarat Luar Biasa oleh dua per tiga (2/3) dari pada semua ahli.
- 26.2 Jika berlaku Persatuan dibubarkan, semua hutang dan tanggungan yang dilakukan secara sah bagi pihak Persatuan hendaklah semuanya dilunaskan dan apa-apa baki dana hendaklah diserahkan kepada Amanah Raya Malaysia.
- 26.3 Apa-apa pembubaran Persatuan hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Sukan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran.

Kemaskini pada 24th Julai 2011